

## **Laporan Akhir Penyelidikan**

**Tajuk:** Mengubah Paradigma Pemikiran Belia Melalui Novel Popular: Pembinaan Modul Pembinaan Insan

**Penyelidik:** Prof Madya Dr Ruzy Suliza Hashim (Ketua), Dr Ganakumaran Subramaniam, Dr Ismasnizam Azyze, Dr Noraini Mohd Yusof, Dr Shanthini Pillai, Puan Angeline Wong Wei Wei.

### **Pengenalan**

Pembinaan modal insan berkualiti merupakan salah satu agenda penting untuk Rancangan Malaysia ke Sembilan kerana modal insan yang cemerlang kritikal dalam mencapai Misi Nasional (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010, halaman 249). Generasi belia Malaysia, menurut sumber bancian tahun 2000, merupakan 42.1 peratus daripada penduduk Malaysia berjumlah 23.27 juta orang. Hasrat kerajaan Malaysia ialah untuk membangunkan komuniti belia yang mempunyai daya saing dan tabah menghadapi cabaran serta mampu menjadi peneraju dalam dan luar negara yang terbilang dalam semua bidang. Menurut dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010, “penekanan diberikan kepada pembangunan modal insan yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif serta mempunyai etika dan nilai universal yang kukuh seperti digariskan dalam Islam Hadhari” (249). Pemikiran progresif dapat dipupuk dengan kaedah pembacaan yang kritis yang menjadi salah satu objektif di dalam kajian ini.

Komuniti belia yang bijak membaca merupakan di antara ciri-ciri modal insan yang diperlukan untuk keupayaan berfikir kritis. Menurut kaji selidik yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (1996), didapati bahawa warga Malaysia rata-rata tidak meminati membaca. Kajian ini melaporkan bahawa hanya 45 peratus golongan umur 15-24 menggunakan prasarana perpustakaan. Yang lebih kritikal merujuk kepada aktiviti membaca menjunam teruk untuk golongan 24 ke atas:

...the practice of reading almost plummets after the age of 24 years. Thus it is necessary to ensure that the persons in this segment are not caught up in this trend” (Frank Small and Associates, 1996: 118).

Kajian ini cuba melihat samada membaca merupakan di antara hobi belia masakini dan mencungkil bahan bacaan yang digemari oleh belia dan isu-isu yang diminati mereka. Kemunculan banyak bahan bacaan berunsurkan picisan menunjukkan bahawa bahan-bahan ini mempunyai pengikutnya. Kajian ini memberi maklumat beberapa jenis pembacaan yang menjadi bahan bacaan popular dalam kalangan belia.

Modul bacaan yang dibentuk untuk memberi kesedaran kepada golongan belia bagaimana untuk membaca dengan kritis supaya longgokan bahan picisan yang ditatapi oleh belia dapat dibaca dan ditapis dengan bijak. Adalah tidak munasabah untuk pihak kerajaan memantau setiap majalah dan buku yang diterbitkan tetapi persediaan yang boleh diberikan kepada golongan belia ialah bagaimana seseorang itu dapat mengubah paradigma picis kepada paradigma kritis.

### **Metodologi Penyelidikan**

Penyelidikan ini mempunyai empat tahap.

Tahap 1: Menghantar soalselidik seluruh Malaysia. Kadar pulangan balik soalselidik berjumlah 1227 responden. Lihat Bahagian I untuk laporan soalselidik.

Tahap 2: Mengkaji kelarisan bahan bacaan yang dikenalpasti sebagai bahan bacaan yang diminati belia. Lihat Bahagian II.

Tahap 3: Memperincikan kandungan novel popular, majalah dan komik yang dikenalpasti sebagai bahan bacaan yang diminati belia. Lihat Bahagian III.

Tahap 4: Membentuk modul pembacaan untuk mengubah paradigma pemikiran belia. Lihat Bahagian IV.

### **Implikasi**

Golongan belia bukan merupakan komuniti membaca tetapi lebih cenderung kepada komuniti mendengar dan melihat. Oleh itu, modul pembacaan mesti mengambilkira kecenderungan ini dan mengambil pelbagai jenis medium untuk menjadikan pakej ini lebih menarik dan “youth friendly.”

Bahan bacaan yang paling laris dijual mempunyai kandungan yang tidak membantu pembentukan bangsa berjiwa global. Laporan Bahagian II dan III menunjukkan bahawa kebanyakan kandungan memfokus kepada isu-isu sensasi seks, misteri, artis-artis Barat yang tidak membantu untuk golongan belia berfikiran global dan kritis. Oleh itu, modul bacaan yang dibina berdasarkan tiga isu yang dianggap penting untuk membolehkan golongan belia menggarap bahan bacaan dengan lebih efektif dan bijak.

Modul bacaan mengolah tiga isu iaitu pemahaman dan pengurusan perhubungan, keganasan domestik dan perhubungan gender dan pembinaan insan murni. Ketiga-tiga modul yang boleh dijalankan selama tiga hari dapat membantu golongan belia untuk membaca dengan lebih kritis di samping membolehkan self-empowerment untuk menjadi modal insan yang celik minda untuk membangunkan negara ke tahap yang lebih cemerlang.

### **Penutup**

Kumpulan penyelidik bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk menjalan modul secara berperingkat di mana kumpulan sasaran merupakan belia bermasalah yang dapat dibimbing untuk mengubah paradigma pemikiran yang sempit kepada pembaca kritis di samping menanam ciri-ciri self-empowerment yang boleh meningkatkan harga diri.

## **Rujukan**

Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010

Small, Frank & Associates. 1998. Reading Profile of Malaysians 1996. Kuala Lumpur:  
Perpustakaan Negara Malaysia

## **PENGENALAN**

Sebuah kajian telah dijalankan untuk mengkaji pola bacaan di kalangan belia di Malaysia. Sebanyak 1227 soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada golongan belia di serata Malaysia. Di antara lokasi yang dikaji ialah kawasan pekan dan bandar di sekitar negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif Am:

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pola bacaan di kalangan belia di Malaysia.

Objektif Khusus:

Untuk melihat samada terdapat sesuatu trend bacaan dan hobi di kalangan belia berdasarkan jantina, bangsa, umur dan lokasi.

## **DATA KAJIAN**

Data sebanyak 1227 soal selidik telah diedarkan kepada golongan belia di serata Malaysia. Soal selidik merangkumi perkara – perkara tentang latarbelakang responden seperti jantina, bangsa, umur, lokasi, bahasa ibunda dan kemahiran pemahaman bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta taraf tertinggi pendidikan responden. Soal selidik juga merangkumi latarbelakang ibu bapa responden seperti taraf pendidikan tertinggi ibu dan bapa serta pendapatan ibu dan bapa.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Untuk mencapai objektif kajian, beberapa metodologi telah digunakan. Kajian adalah berdasarkan soal selidik yang merangkumi hobi, bahan bacaan, majalah, novel remaja, isu kandungan novel remaja yang diminati. Soal selidik berbentuk ordinal yang mana untuk setiap isu ditandakan 1 (tidak minat), 2 (kurang minat), 3 (sederhana), 4 (minat) dan 5 (paling minat). Responden perlu menandakan tahap minat untuk setiap pembolehubah yang diberi.

Minat kajian adalah untuk melihat responden yang menandakan 5 (paling minat). Maka, mod atau kekerapan yang paling tinggi bagi tandaan 5 (paling minat) dilihat untuk setiap isu.

Selain itu, kaedah ordinal regression juga dilakukan untuk melihat kecenderungan responden menandakan 5 (paling minat) atau 1 (tidak minat).

## **ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN**

## i. Analisis diskriptif bagi data kajian

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	melayu	991	77.6	77.6	77.6
	cina	153	12.0	12.0	89.6
	india	81	6.3	6.3	95.9
	lain-lain	52	4.1	4.1	100.0
	Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 1: Peratusan Bangsa

Peratusan tertinggi responden terdiri daripada bangsa Melayu (77.6%) diikuti oleh bangsa Cina (12%), India (6.3%) dan bangsa – bangsa lain (4.5%). Maka keputusan bagi analisis yang lain mungkin agak *bias* kepada bangsa Melayu.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Lelaki	567	44.4	44.4	44.4
	Perempuan	710	55.6	55.6	100.0
	Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 2: Peratusan Jantina

Dari segi jantina, responden adalah hampir sama peratusannya iaitu lelaki 44.4% dan perempuan 55.6%.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	15-18	797	62.4	62.4	62.4
	19-21	348	27.3	27.3	89.7
	22-25	132	10.3	10.3	100.0
	Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 3: Peratusan Kategori Umur

Sebanyak 62.4% daripada jumlah responden terdiri daripada kategori umur 15 – 18, manakala bagi kategori umur 19 – 21 adalah sebanyak 27.3% dan selainnya terdiri daripada kategori umur 22 – 25.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tiada	2	.2	.2	.2

Rendah	9	.7	.7	.9
Menengah	206	16.1	16.1	17.0
menengah atas	685	53.6	53.6	70.6
sijil/dip	278	21.8	21.8	92.4
Ijazah	97	7.6	7.6	100.0
Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 4: Pendidikan Responden

Didapati kebanyakan responden memiliki pendidikan tertinggi menengah atas (53.6%). Perkara ini mungkin adalah benar kerana kebanyakan responden terdiri daripada kategori umur 15 – 18. Sebanyak 21.8% responden memiliki sijil atau diploma sebagai pendidikan tertinggi. Walaubagaimanapun, hanya peratusan yang kecil daripada responden memiliki ijazah iaitu sebanyak 7.6%. Terdapat peratusan yang kecil tidak menandakan pendidikan tertinggi (0.2%).

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tiada	75	5.9	5.9	5.9
	Rendah	184	14.4	14.4	20.3
	menengah	259	20.3	20.3	40.6
	menengah atas	502	39.3	39.3	79.9
	sijil/dip	152	11.9	11.9	91.8
	Ijazah	105	8.2	8.2	100.0
	Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 5 : Pendidikan Ibu

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tiada	119	9.3	9.3	9.3
	Rendah	146	11.4	11.4	20.8
	Menengah	218	17.1	17.1	37.8
	Menengah atas	453	35.5	35.5	73.3
	sijil/dip	191	15.0	15.0	88.3
	Ijazah	150	11.7	11.7	100.0
	Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 6: Pendidikan Bapa

Jadual 6 dan 7 menunjukkan peratusan pendidikan tertinggi ibu dan bapa responden. Didapati sebanyak 39.3% ibu responden memiliki pendidikan menengah atas dan 35.5% bapa responden memiliki pendidikan menengah atas.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
--	-----------	---------	---------------	-----------------------

Valid	tiada	22	1.7	1.7	1.7
	<1000	613	48.0	48.0	49.7
	1001-3000	407	31.9	31.9	81.6
	3001-5000	114	8.9	8.9	90.5
	5001-8000	69	5.4	5.4	95.9
	>8001	52	4.1	4.1	100.0
	Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 7: Pendapatan Ibu Bapa

Didapati hampir separuh daripada ibu bapa 1227 responden memiliki pendapatan kurang daripada RM 1,000.00 sebulan iaitu sebanyak 48%. Peratusan yang seterusnya (31.9%) ialah ibu bapa yang memiliki pendapatan sebanyak RM 1,001 – RM 3,000 sebulan. Dan didapati hanya peratusan yang kecil memiliki pendapatan yang lebih RM 8,000.00 iaitu sebanyak 4.1%.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid pekan	408	31.9	31.9	31.9
bandar	869	68.1	68.1	100.0
Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 8: Kedudukan responden

Didapati 68.1% responden berada di bandar dan 31.9% berada di pekan atau luar bandar. Maka keputusan lain yang diperolehi mungkin akan menerangkan lebih tentang penduduk bandar

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid kilang	31	2.4	2.4	2.4
supermarket	15	1.2	1.2	3.6
kolej/universiti	423	33.1	33.1	36.7
matrikulasi	11	.9	.9	37.6
sekolah	797	62.4	62.4	100.0
Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 9: Kategori responden

Daripada jadual, didapati 62.4% daripada responden adalah terdiri daripada pelajar sekolah, dan diikuti oleh 33.1% pelajar kolej/universiti dan selainnya adalah pekerja kilang dan supermarket dan hanya 0.9% terdiri daripada pelajar matrikulasi.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid lain	111	8.7	8.7	8.7
perlis	3	.2	.2	8.9
kedah	109	8.5	8.5	17.5




ppinag	7	.5	.5	18.0
perak	18	1.4	1.4	19.4
selangor	367	28.7	28.7	48.2
negeri9	223	17.5	17.5	65.6
johor	52	4.1	4.1	69.7
pahang	233	18.2	18.2	87.9
tganu	11	.9	.9	88.8
kelantan	9	.7	.7	89.5
wilayah	92	7.2	7.2	96.7
sabah	10	.8	.8	97.5
swak	32	2.5	2.5	100.0
Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 10: Peratusan responden mengikut negeri

Peratusan responden mengikut negeri dapat dilihat daripada Jadual 10. Didapati peratusan yang tertinggi terdiri daripada responden dari negeri Selangor (28.7%), diikuti oleh responden dari negeri Pahang (18.2%) dan Negeri Sembilan (17.5%). Peratusan yang paling sedikit terdiri daripada responden dari negeri Perlis iaiti 0.2%. Bagi tandaan 'lain' di jadual di atas menerangkan tentang sampel dari pelajar Matrikulasi Malaysia di seluruh Malaysia yang mana pada soal selidik tidak ditandakan lokasi negeri responden.


ii. Analisis diskriptif bagi minat belia



Histogram 1: Hobi

Daripada Histogram 1, didapati belia paling minat hobi menonton DVD / CD, muzik, bermain PS2 atau komputer game dan sukan lasak / extreme. Manakala hobi yang paling tidak diminati oleh belia dating, jamming atau berkaraoke dan lumba motosikal / basikal.


iii. Analisis diskriptif bagi bahan bacaan belia



Histogram 2: Bahan Bacaan

Plot histogram menunjukkan belia paling minat terhadap bahan bacaan berbentuk majalah hiburan, novel, lawak, komik dan SMS. Ini diikuti dengan minat belia terhadap bahan bacaan berbentuk akhbar, majalah dan lirik lagu. Walaubagaimanapun, didapati belia paling tidak minat bahan bacaan berbentuk puisi dan buku elektronik.


iv. Analisis diskriptif bagi minat majalah



Histogram 3: Majalah

Histogram menunjukkan kekerapan yang tinggi untuk belia yang paling minat majalah Utopia, Remaja dan Ujang. Seterusnya, belia juga minat majalah Mastika dan sederhana bagi majalah Gempak. Bagi majalah – majalah yang lain di dalam soal selidik, kekerapan yang ditandakan adalah tidak minat.


- v. Analisis diskriptif bagi tabiat meminjam buku



Histogram 4: Ahli perpustakaan

Didapati peratusan yang tinggi (73.69%) daripada responden menjawab “tidak” untk persoalan samada mereka menjadi ahli perpustakaan selain daripada perpustakaan sekolah.


- vi. Analisis diskriptif bagi kekerapan meminjam buku di perpustakaan



Histogram 5: Kekerapan meminjam buku di perpustakaan

Daripada histogram, didapati hampir separuh (48.16%) daripada sampel responden jarang meminjam buku. Dan hanya peratusan yang kecil meminjam buku setiap hari (2.96%).

- vii. Analisis diskriptif bagi minat membaca buku selain buku sekolah



Histogram 6: Membaca buku selain buku sekolah

Persoalan seterusnya ialah kekerapan responden membaca buku selain daripada buku sekolah. Didapati 40.25% daripada responden membaca buku selain daripada buku sekolah sekerap sekali seminggu. Dan peratusan yang membaca buku selain daripada buku sekolah setiap hari, peratusannya adalah 26.78%.


viii. Analisis diskriptif belia baca novel

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tiada	18	1.4	1.4	1.4
	Ya	727	56.9	56.9	58.3
	Tidak	532	41.7	41.7	100.0
	Total	1277	100.0	100.0	

Jadual 10: Peratusan membaca novel

Seterusnya kajian diteruskan dengan melihat samada belia gemar membaca novel. Sejumlah 56.9% reponden gemar membaca novel dan 41.7% tidak gemar membaca novel. Peratusan yang selebihnya tidak menandakan samada gemar membaca novel atau tidak.

Daripada analisis ini, kajian diteruskan untuk melihat jenis novel yang diminati oleh belia.




Histogram 7: Jenis novel yang digemari

Belia didapati meminati novel yang berbentuk adventure, seram, cinta, komedi dan novel remaja. Didapati belia tidak minat untuk membaca novel yang berkisarkan perang, sukan, puisi dan juga novel seks.

ix. Analisis diskriptif bagi sumber novel dan majalah






Histogram 8: Sumber novel dan majalah

Seterusnya, analisis dijalankan untuk melihat sumber novel dan majalah bagi belia. Kelihatan daripada graf, kebanyakan responden hanya meminjam novel dan majalah daripada kawan dan juga membelinya sendiri. Didapati bagi sebanyak 49.81% responden berumur 15 – 18 tahun meminjam daripada kawan untuk mendapatkan sumber novel dan majalah. 40.28% responden dalam kategori yang sama membeli dan selainnya samada meminjam daripada perpustakaan ataupun meminjam dari kawan, membeli dan juga meminjam dari perpustakaan. Bagi kategori 19-21 tahun, lebih daripada separuh responden kategori ini meminjam novel atau majalah daripada kawan (52.3%). Dan hanya 34.48% membeli novel atau majalah. Kategori 22-25 tahun pula, didapati hampir separuh daripada meminjam daripada kawan (43.18%) dan separuh membelinya (47.73%).


- x. Analisis diskriptif bagi perbelanjaan membeli majalah atau novel



Histogram 9: Perbelanjaan novel atau majalah

Daripada graf, didapati ramai daripada responden membelanjakan sebanyak kurang daripada RM 10 sehingga RM 20 untuk membeli novel atau majalah. Didapati 51.61% responden yang bekerja di kilang, membelanjakan diantara RM 10 sehingga RM 20, dan 35.48% membelanjakan kurang RM 10 untuk membeli novel atau majalah. Bagi pekerja supermarket pula, 40% membelanjakan di antara RM 10 dan RM 20, dan 33.33% membelanjakan kurang RM 10. Sebanyak 46.57% pelajar kolej / universiti membelanjakan di antara RM 10 ke RM 20 dan 36.41% membelanjakan kurang RM 10 untuk membeli novel dan majalah. 54.55% daripada pelajar matrikulasi pula membelanjakan kurang RM 10. Bagi pelajar yang berada di sekolah, 45.55% membelanjakan kurang RM 10 dan 40.9% membelanjakan di antara RM 10 ke RM 20 untuk membeli novel dan majalah. Didapati untuk kesemua kategori pekerjaan, tidak ramai yang membelanjakan lebih RM 30 untuk membeli novel atau majalah.


- xi. Analisis diskriptif bagi kekerapan membaca novel atau majalah



Histogram 10: Kekerapan membaca novel dan majalah

Graf menunjukkan kekerapan responden membaca novel atau majalah. Didapati pelajar sekolah membaca sekali seminggu sebanyak 34.88% dan 37.89% membaca sekerap sekali sebulan. Sejumlah 63.64% pelajar matrikulasi pula membaca novel atau majalah sekerap sekali sebulan. Bagi responden yang berada dikolej atau universiti, mereka membaca novel atau majalah sekerap sekali seminggu (35.46%) dan sekali sebulan (37.12%). Hanya 12.53% membaca setiap hari. Bagi pekerja kilang, didapati 35.46% daripada mereka membaca sekali seminggu dan 37.12% daripada mereka membaca sekali sebulan. Bagi pekerja kilang pula, lebih daripada separuh membaca sekali seminggu (51.61%) dan 9.68% yang jarang membaca novel atau majalah.

xii. Analisis diskriptif bagi isu kandungan novel




Histogram 11: Kandungan novel (Semua responden)

Keputusan menunjukkan belia adalah cenderung meminati novel yang mempunyai kandungan yang berunsurkan positif. Didapati daripada soal selidik, belia paling minat kandungan novel berbentuk cinta remaja, persahabatan, ketaatan kepada ibu bapa, kesetiaan, pengorbanan, setiakawan, kejujuran, memperbaiki diri / *self-improvement*, perjalinan hubungan di antara yang kaya dan miskin.

Didapati belia menandakan tidak minat pada kandungan novel berunsurkan negatif atau berunsurkan seks seperti penggunaan dadah, novel seks, keganasan seks, seks luar nikah, hubungan sulit, perhubungan seksual secara bebas, kecurangan dalam cinta, budak lanun dan bohsia serta gigolo.

- xiii. Analisis diskriptif bagi isu kandungan novel (Responden meminati membaca novel)




Histogram 12: Kandungan novel (Responden meminati membaca novel)

Seterusnya, analisis dilakukan bagi mereka yang meminati membaca novel, berikut adalah isu – isu kandungan novel yang diminati. Didapati minat mereka adalah sama, untuk setiap novel. Perbezaannya ialah didapati mereka yang meminati membaca novel, juga meminati isu – isu kesungguhan usaha, permasalahan remaja dan kecurangan dalam cinta.

## PROFIL BELIA YANG DIKAJI

Setelah melihat analisis diskriptif, analisis seterusnya melihat profil belia mengikut bangsa, umur dan lokasi. Berikut adalah keputusan yang diperolehi.


**PROFIL MELAYU 15 – 18 PEKAN**



**PROFIL MELAYU 19 – 21 PEKAN**


**hobi7 (Muzik)**


		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	takminat	1	2.8	2.8	2.8
	kurangminat	1	2.8	2.8	5.6
	sederhana	6	16.7	16.7	22.2
	minat	8	22.2	22.2	44.4
	palingminat	20	55.6	55.6	100.0
	Total	36	100.0	100.0	




**hobi9 (Lepak)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tiada	1	2.8	2.8	2.8
	takminat	2	5.6	5.6	8.3
	kurangminat	5	13.9	13.9	22.2
	sederhana	8	22.2	22.2	44.4
	minat	7	19.4	19.4	63.9
	palingminat	13	36.1	36.1	100.0
	Total	36	100.0	100.0	






**PROFIL MELAYU 22 – 25 PEKAN**









Bagi profil belia berbangsa Melayu di kawasan pekan, didapati belia berumur 15 – 21 tahun muzik dan sukan lasak. Apabila umur meningkat 19 tahun, didapati minat belia juga meminati untuk melepak. Walaubagaimanapun, senario ini berubah apabila belia berumur 22 tahun ke atas di mana minat adalah membaca dan juga rekreasi luar. Ini mungkin kerana belia adalah lebih matang dan sudah memasuki universiti atau kolej dan mula bekerja pada umur ini.


Untuk hobi muzik, rata – rata jantina perempuan lebih meminatinya berbanding lelaki. Belia lelaki didapati lebih meminati sukan lasak dan melepak. Setelah umur meningkat, didapati belia perempuan lebih meminati membaca dan lelaki lebih meminati aktiviti rekreasi luar.

**PROFIL MELAYU 15 – 18 BANDAR**





**PROFIL MELAYU 19 – 21 BANDAR**





**PROFIL MELAYU 22 – 25 BANDAR**







Untuk belia Melayu yang berada di kawasan bandar pula, minat juga adalah muzik pada umur 15 – 21 tahun. Dan pada umur 19 – 21 tahun, belia juga minat terhadap menonton DCD/CD di samping meminati muzik. Seperti juga belia Melayu di kawasan pekan, pada umur 22 – 25 tahun, minat belia berubah kepada membaca dan menonton tv.

Daripada graf, kelihatan minat terhadap muzik adalah sama bagi tinggi peratusannya untuk belia lelaki dan perempuan. Graf juga menunjukkan belia lelaki yang meminati untuk menonton DVD/VCD, manakala belia perempuan lebih meminati membaca dan menonton tv.


**PROFIL CINA 15 – 18 PEKAN**



**PROFIL CINA 15 – 18 BANDAR**




**PROFIL CINA 19 -21 BANDAR**




Profil belia berbangsa Cina yang dapat dikaji hanyalah untuk belia berumur 15 – 18 tahun di kawasan pekan dan belia berumur 15 – 18 tahun dan juga 19 – 21 tahun di kawasan bandar. Ini kerana bilangan populasi profil berbangsa Cina untuk kategori umur yang lain adalah terlalu kecil untuk menerangkan tentang minat belia.

Di kawasan pekan, minat belia Cina yang berumur 15 – 19 tahun adalah menonton DVD/VCD dan muzik. Didapati bagi profil ini, lelaki yang lebih meminati menonton DVD/VCD dan perempuan lebih meminati muzik.

Di kawasan bandar pula, minat belia Cina bagi kedua – dua kategori umur 15 – 19 tahun dan 19 – 21 tahun adalah muzik. Bagi profil ini, didapati lelaki yang lebih meminati muzik berbanding perempuan.




**PROFIL INDIA 15 – 18 BANDAR**



**INDIA 19 – 21 BANDAR**





Oleh kerana populasi belia berbangsa India adalah kecil, hanya 3 profil yang dapat dikaji. Walaubagaimanapun, profil ini tidak dapat menerangkan tentang minat belia berbangsa India secara sebenarnya.

Rata – rata, boleh dikatakan minat belia berbangsa India adalah muzik, dan didapati perempuan yang lebih meminati muzik berbanding lelaki pada umur yang lebih muda iaitu 15 – 18 tahun bagi belia berbangsa India di pekan dan bandar. Manakala pada umur 19 – 21 tahun di kawasan bandar, didapati lelaki lebih meminati muzik berbanding perempuan untuk bangsa India.

Profil belia yang dikaji boleh disimpulkan di dalam jadual seperti berikut:-

	Melayu			Cina			India		
	15 - 18	19 - 21	22 - 25	15 - 18	19 - 21	22 - 25	15 - 18	19 - 21	22 - 25
Pekan	Muzik Sukan Lasak	Muzik Melepak Sukan Lasak	Membaca Rekreasi Luar	Muzik DVD/VCD			Muzik		
Bandar	Muzik	Muzik DVD/VCD	Membaca Menonton TV	Muzik	Muzik		Muzik	Muzik	

Secara keseluruhannya, bagi semua profil yang dikaji, boleh dikatakan belia remaja yang berumur 15 – 21 tahun meminati muzik untuk semua bangsa. Walaubagaimanapun, minat belia berubah apabila umur lebih meningkat untuk bangsa Melayu yang mana mereka lebih meminati aktiviti lain iaitu membaca, rekreasi luar dan menonton tv. Ini mungkin kerana mereka adalah lebih matang dan lebih berminat untuk mengetahui tentang perkara semasa melalui membaca dan menonton tv. Daripada kajian ini juga didapati belia berbangsa Melayu di pekan meminati sukan lasak untuk kategori umur 15 – 21 tahun.

Kajian yang lebih terperinci dilakukan untuk hobi yang mempunyai kekerapan paling minat paling tinggi iaitu menonton DVD/VCD, muzik, bermain PS2/ computer game dan sukan lasak/ ekstrem.

Bagi hobi menonton DVD/VCD, peratusan yang hampir sama bagi kedua – dua jantina iaitu lelaki (47.1%) dan perempuan (52.9%). Hobi muzik, perempuan (57.4%) adalah lebih tinggi. Peratusan lelaki agak tinggi untuk hobi bermain PS2 atau computer game (68.2%). Akhir sekali, bagi hobi sukan lasak, lelaki juga lebih meminati berbanding perempuan yang mana peratusan lelaki menandakan paling minat adalah 57.9%. Kajian tentang hobi mengikut negeri pula dilakukan dan didapati untuk hobi muzik dan juga menonton DVD/VCD, rata-ratanya diminati oleh belia di seluruh negara. Tetapi kes ini berbeza untuk hobi sukan lasak yang mana kebanyakan responden yang menandakan paling minat adalah mereka yang berada di politeknik Shah Alam, Batu Kikir, Lenggeng, Pahang, Negeri Sembilan, Perak, Muadzam Shah, MMU, Kulai, Nilai dan Sepang. Bagi hobi computer game atau bermain PS2, kekerapan paling tinggi menandakan paling minat ialah Batu Kikir, Pahang, Negeri Sembilan, Kajang, Kelantan, Sarawak, Muadzam Shah, pekerja kilang dan supermarket, MMU, Kulai, Banting dan Sepang.

Seterusnya kajian yang lebih mendalam tentang profil belia meminati majalah dikaji. Terdapat lima majalah yang paling minati oleh belia iaitu majalah Utopia, Remaja, Ujang dan Mastika.

Untuk majalah Remaja dan Mastika didapati perempuan memiliki peratusan yang tinggi iaitu 74.5% dan 59.8%. Manakala majalah Utopia dan Ujang, lelaki mempunyai peratusan yang lebih tinggi 52% dan 56.1%. Bangsa Melayu adalah bangsa yang paling meminati keempat – empat majalah ini yang mana peratusan untuk majalah Utopia (90.8%), Remaja (86.9%), Ujang (91.5%) dan Mastika (89.5%). Rata – rata, kategori 15 – 18 tahun memiliki peratusan yang tinggi untuk majalah Utopia (67%), Remaja (56.6%), Ujang (62.5%) dan Mastika (58.8%). Bagi lokasi pula, didapati lokasi bandar adalah peratusan tertinggi iaitu untuk majalah Utopia (53.7%), Remaja (54.3%), Ujang (55.8%) dan Mastika (53%).

Kajian diteruskan untuk novel remaja yang mempunyai kekerapan yang tertinggi iaitu novel remaja berbentuk adventure/ pengembaraan, seram, cinta, komedi dan novel remaja.

Didapati lelaki hanya meminati novel berbentuk adventure/pengembaraan yang mana peratusannya adalah (53.7%). Manakala peratusan perempuan meminati novel berbentuk seram (53%), cinta (81.2%), komedi (60.3%) dan novel remaja (78.4%). Bangsa Melayu mempunyai peratusan yang tinggi yang mana untuk kesemua jenis novel peratusannya adalah lebih daripada 80%. Kategori umur pula adalah paling tinggi untuk untuk 15- 18 tahun yang mana peratusan meminati novel berbentuk adventure (70%), seram (64.3%), cinta (58.4%), komedi (63.8%) dan novel remaja (59.5%). Bagi lokasi, peratusan tertinggi ialah belia daripada kawasan bandar yang mana untuk kesemua jenis novel peratusan adalah lebih 50%.

Keputusan bagi kajian yang lebih mendalam tentang novel remaja yang diminati adalah seperti berikut. Didapati novel remaja yang diminati ialah novel berbentuk cinta remaja, persahabatan, ketaan kepada ibu bapa, kesetiaan, pengorbanan, setiakawan, kejujuran dan memperbaiki diri/self improvement dan perjalanan hubungan di antara yang kaya dan miskin. Daripada kajian yang terperinci yang dijalankan, didapati belia perempuan lebih meminati novel- novel yang disenaraikan di atas dan peratusannya adalah lebih daripada 60% untuk setiap novel yang dikaji. Bagi kategori umur pula, didapati belia yang berumur 15 – 18 tahun paling meminati novel – novel ini dan belia yang di bandar meminati novel ini di mana peratusan untuk kategori umur dan lokasi bagi kedua – duanya adalah lebih daripada 50%.

Novel remaja yang paling tidak diminati oleh belia ialah novel penggunaan dadah, novel seks, keganasan seks, seks luar nikah, perhubungan sulit, perhubungan seksual secara bebas, kecurangan dalam cinta dan budak lanun dan bohsia. Dapat disimpulkan novel- novel ini paling tidak diminati oleh belia perempuan, kecuali bagi novel berbentuk kecurangan dalam cinta yang mana peratusan lelaki bagi tidak minat adalah lebih tinggi (52.7%). Didapati novel ini juga tidak diminati oleh belia yang lebih muda yang berumur 15 – 18 tahun. Dan peratusan yang tinggi juga adalah bagi belia yang berada di kawasan bandar yang mana peratusannya adalah lebih (50%).

## **ORDINAL REGRESSION**

Kajian seterusnya dilakukan untuk melihat kecenderungan belia menandakan paling minat atau tidak minat untuk isu – isu seperti hobi, bahan bacaan dan novel remaja. Keputusan yang diperolehi adalah berdasarkan penyuaian model yang terbaik dan signifikan untuk analisis yang dijalankan.

Bagi hobi melayari web, didapati lelaki lebih cenderung untuk menandakan tidak minat. Bangsa Cina cenderung untuk menandakan paling minat dan belia yang berada di kolej/universiti cenderung untuk menandakan paling minat. Bagi responden yang tidak menandakan tahap pendidikan tertinggi, mereka cenderung untuk menandakan tidak minat. Keputusan yang sama diperolehi untuk hobi chatting. Untuk hobi menonton tv, didapati lelaki dan belia berbangsa India cenderung untuk menandakan tidak minat. Keputusan yang berbeza diperolehi untuk hobi muzik, di mana belia bangsa India cenderung untuk menandakan paling minat. Untuk hobi karaoke/jamming, didapati lelaki cenderung menandakan paling minat, dan juga bangsa India. Keputusan bagi hobi rekreasi luar pula menunjukkan lelaki lebih cenderung untuk menandakan paling minat, bangsa Cina dan India cenderung menandakan tidak minat dan didapati belia yang bekerja di kilang/supermarket cenderung menandakan tidak minat bagi hobi ini. Belia yang mempunyai tahap pendidikan ijazah juga cenderung menandakan tidak minat bagi hobi rekreasi luar.

Keputusan bagi analisis ini menunjukkan lelaki cenderung menandakan paling minat untuk bahan bacaan berbentuk lawak dan bahan bacaan anime, tetapi bangsa Cina dan India cenderung menandakan tidak minat bagi kedua – dua jenis bahan bacaan ini.

Untuk novel remaja seram, didapati bangsa Cina cenderung menandakan tidak minat, tetapi belia yang tahap tertingginya adalah menengah cenderung menandakan paling minat bagi novel seram. Bagi novel berasaskan gaya hidup moden, didapati lelaki cenderung untuk menandakan tidak minat. Keputusan yang sama juga adalah diperolehi bagi bangsa Cina. Bagi novel berbentuk kebebasan pergaulan, didapati lelaki dan juga bangsa Cina cenderung untuk menandakan tidak minat. Walaubagaimanapun, didapati belia yang bekerja di kilang dan supermarket cenderung menandakan paling minat bagi novel ini.

## **KESIMPULAN**

Daripada kajian ini, didapati belia kurang minat membaca. Belia lebih meminati hobi berbentuk hiburan seperti muzik, menonton tv dan DVD dan VCD. Walaubagaimanapun, kajian ini menunjukkan belia meminati hobi yang memerlukan aktiviti luar seperti rekreasi luar, bersukan dan sukan lasak.

Minat membaca majalah bagi belia juga adalah menjurus kepada hiburan. Bahan bacaan yang diminati oleh belia dalam kajian ini merangkumi perkara – perkara positif dan hasil yang diperolehi ialah belia kurang minat bahan bacaan berbentuk seks dan bahan bacaan yang tidak mencerminkan nilai-nilai positif.